



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **8 Apr 2021 (Khamis)**

### **Berita Harian**

Nestle bina kilang makanan berasaskan tumbuhan	1
'Selangor tak patut macam ni'	2

### **Utusan Malaysia**

Sajat blos guna lorong tikus utara	3
Pelajar KKSJ lukis mural rai hari air sedunia	4
Nestle Malaysia labur RM150 juta bina kilang PBMS	5

### **Harian Metro**

LABUR RM150 JUTA	6
------------------	---

### **Kosmo**

Kilang sarung tangan, PPE bernilai RM100j dibina di Gebeng	7
Nestle labur RM150 juta bina PBMS	8
Kebangkitan magis Helang Merah	9

### **Sinar Harian**

Kilang makanan berasaskan tumbuhan	10
------------------------------------	----

### **The Star**

New Ampang food court to house anaerobic digester hub	11
BAZAAR LOTS	12
BUDGET FEEDBACK	13
Five contractors nabbed for illegal dumping in Klang	14
'Get on digital platforms to increase earnings'	15
Nestle nurtures the natural way	16
Royal visit	17
Recyclables collection initiative in second phase	18
No clipping 'Eagles' wings	19

### **New Straits Times**

NESTLE OPENS PLANT-BASED MEAL FACILITY	20
--	----

### **The Sun**

Nestle M'sia opens first plant-based meals production site	21
--	----

### **The Edge CEO Morning Brief**

Malaysia says South Korean and Japanese firms to invest RM16.05 bil in coming years	22
---	----

### **China Press**

Rajiv: The practice of 70% vaccination would require a revision of the existing registration system	23
Selangor New Year Digital Market, health and beauty categories are the best seller	24
Teacher diagnosed with Covid-19, the whole school closed, 1200 students suspended class	25
The illegal warehouse was exposed and closed down, It belongs to illegal construction and illegal operation	26

CCTV installed in PJ SS26 Taman Mayang Jaya's park scare away litterbugs	27
The request was not met squarely for 6 years, the banner was raised again, residents Ah	28



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



Yuan: politicizing the ECRL issue, PH is the initiator reported to MACC for an investigation  
Crossbridge construction, developer sent reassurance, 3 minutes to U-turn, do not have to 30  
jam for 15 minutes  
Sekinchan Chinese Association was established, group recruitment to strengthens the power 31  
Occupation of government land and reservations, 14 stalls were removed 32

### **Sin Chew Daily**

The garbage interceptor under Jambatan Kota in Klang collects 30 metric tons of garbage 33  
every month  
Chew Yin Keen: Air Selangor must adopt a response plan. It failed to learn the lesson and 34  
caused the water supply to be cut again.  
Water pipe reparation lead to water cuts in some areas; merchants in Pudu area store water 35  
for reserve.  
Highland Tower in Ampang Jaya will finally be demolished; Zuraida: Must pay the Selangor 36  
government RM8.9 million for land requisition fee  
MBSA launched the "I-Gred" App to let officials and the public to monitor the hygiene of 37  
restaurants and rating for them.

### **Nanyang Siang Pau**

Fu Yong Niang: cure floods, 38  
Daerah Batu Pahat requires an underground buffer pool  
Teng Chang Khim: The number of new e-commerce companies increased by 157%. 39  
Selangor New Year Market generates RM600 million in revenue

### **Guang Ming Daily**

Multiple areas in KL are expected to cut off water for 68 hours; Completely back to normal 40  
on 9th.  
The central government pays 8.9 million to supply the Selangor state government for land 41  
acquisition and demolition of Highland Tower.

### **Makkal Osai**

I-Seed programme will help Selangor Indian SME traders 42



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>8 April 2021</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Nestle bina kilang makanan berasaskan tumbuhan
Muka Surat	:	36

# Nestle bina kilang makanan berasaskan tumbuhan

Syarikat labur  
 RM150 juta bina  
 fasiliti pertama  
 di ASEAN

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
 hazwanfaisal@nstp.com.my

**Nestle** (Malaysia) Bhd melabur RM150 juta untuk membina kemudahan pengeluaran makanan berasaskan tumbuhan di Shah Alam.

Kemudahan itu adalah satu daripada dua kilang seumpamanya di Asia dan yang pertama di ASEAN.

Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Zon Asia, Oceania dan Afrika Sub-Sahara, Nestle S.A. Chris Johnson, berkata Malaysia khususnya Selangor dipilih sebagai lokasi hab pembuatan baharu kerana menawarkan infrastruktur yang lengkap dan diperlukan.

"Selain itu, negeri ini juga adalah lokasi menarik yang menawarkan hubungan perdagangan, ditambah dengan memiliki sumber tenaga mahir.

"Berpaksikan kejayaan Nestle selama 108 tahun di negara ini, kami yakin fasiliti baharu ini akan mencipta peluang pertumbuhan baharu yang menarik bagi makanan berasaskan tumbuhan di rantau ini.

"Nestle Malaysia melabur



Sultan Sharafuddin, Tengku Permaisuri Norashikin (dua dari kiri) bersama Tengku Amir Shah (tengah), Amirudin (kanan), Syed Anwar (dua dari kanan) dan Aranols (tiga dari kanan) menunjukkan produk makanan berasaskan tumbuhan Nestle selepas perasmian Pusat Pengeluaran Makanan Berasaskan Tumbuhan Nestle Shah Alam, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)

RM150 juta bagi membina fasiliti ini yang turut menjadi penyumbang utama kepada perbelanjaan modal berjumlah RM280 juta pada 2020, iaitu perbelanjaan tertinggi dalam tempoh enam tahun," katanya.

Beliau berkata demikian dalam mesej video dari Geneva, Switzerland pada majlis perasmian Pusat Pengeluaran Makanan Berasaskan Tumbuhan Nestle Shah Alam, semalam.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, berkenan mencemar duli bagi me-

nyempurnakan majlis itu.

Turut berangkat ke majlis itu, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Yang turut hadir, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari; Pengerusi Nestle Malaysia, Tan Sri Syed Anwar Jamalullail dan Ketua Pegawai Eksekutif Nestle Malaysia, Juan Aranols.

Mengulas lanjut, Johnson berkata, kemudahan pengeluaran

makanan berasaskan tumbuhan itu akan menghasilkan makanan berasaskan tumbuhan bukan hanya bagi memenuhi pasaran tempatan, malah untuk diekspor.

"Kini, ia adalah keutamaan penting kumpulan Nestle secara global untuk menggalakkan masyarakat mengambil lebih banyak makanan berasaskan tumbuhan," katanya.

Sementara itu, Aranols berkata, sumber protein daripada tumbuhan adalah lebih mesra alam sekitar kerana sebahagian kecil sahaja sumber semula jadi

seperti tanah dan air diperlukan untuk mendapatkan jumlah protein yang sama dengan sumber daging.

Namun, katanya, ia 80 peratus lebih rendah dari segi pelepasan karbon dioksida merentasi rantaian bekalan.

"Dengan pelancaran tapak pengeluaran di Shah Alam, Nestle Malaysia mampu memenuhi peluang ini dengan membekalkan tawaran berasaskan tumbuhan yang berkualiti tinggi dan rasa yang sedap, buatan Malaysia dan juga diperakui halal," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>8 April 2021</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	'Selangor tak patut macam ni'
Muka Surat	:	46

# 'Selangor tak patut macam ni'

Oleh Zulfazlan Mansor  
 zulfazlan@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Hanya mengutip lapan mata daripada tujuh perlawanan dan berada di kedudukan ketujuh Liga Super ketika ini ditanggap pencapaian luar jangka bagi Selangor FC.

Berdasarkan barisan pemain yang dimiliki Selangor musim ini, Red Giants sepatutnya kini bersaing merebut kejuaraan di kelompok teratas dan bukannya bergelut di kedudukan pertengahan Liga.

Jangkakan juara Piala Malaysia kali ini bakal menjadi antara pasukan yang mampu

menyekat dominasi Johor Darul Ta'zim (JDT) dalam saringan Liga Super sejak tujuh tahun lalu juga seakan meleset selepas hanya menang dua kali, seri dua kali dan tewas tiga kali.

Lebih perit, dua kali berturut-turut mengalami kekalahan di pelanggang sendiri dan situasi itu turut menimbulkan persoalan sejauh mana keberkesanan DNA Jerman yang dibawa Karsten Neitzel ke dalam Red Giants.

Malah, legenda bola sepak negara, Khalid Ali turut berpendapat bahawa Selangor tidak sepatutnya berada di kedudukan ketujuh liga jika dilihat kepada

kuali barisan pemain yang mereka miliki musim ini.

"Sebaliknya, Khalid yang juga bekas pemain Selangor menyifatkan tempat yang sepatutnya dihiu Selangor ketika ini adalah tidak jauh dari JDT iaitu sekurang-kurangnya dalam selompok tiga teratas.

Dia turut mengakui tidak nampak sepenuhnya DNA Jerman dalam pasukan Selangor yang sebelum ini dicadang bakal ditampikan skuad itu selepas membawa masuk

pengendali Neitzel dan pengarah teknikal, Michael Feichtenbeiner.

"Tak patut (Selangor berada di tangga ketujuh) sebab pemain yang mereka ada semua yang bagus iaitu pemain negara dan pemain muda yang sedang meningkat naik.

"Sepatutnya mungkin di belakang JDT, tangga kedua atau ketiga. Saya nampak mereka boleh jadi pasukan yang baik, mantap dan



Khalid Ali

"Saya tak nampak DNA Jerman dalam pasukan Selangor, mungkin masa menjarangkan gol ketika berdepan JDT saya nampak.

"Jika nak main dengan DNA Jerman, anda kena bermain 110 peratus. Anda kena bagi komitmen dari minit pertama hingga 90 minit dan anda kena betul-betul pantas dan cerias.

"Dengan saya jangan cerita DNA Jerman, saya pernah berlatih di Jerman dan bersama dengan Kari-Heinz Weigang selama lima tahun dan kami layak ke sukan Olimpik," katanya.

**Lihat muka 46**

## Pemain Selangor 'ikut buku'

**Dari muka 48**

Selain itu, Khalid mengangap pemain import Selangor gagal memberikan impak yang sepatutnya atau mempamerkan persembahan lebih baik daripada pemain tempatan.

Katanya, sikap pemain Selangor yang terlampau mengikut 'buku' dan tidak berani membuat keputusan sendiri dalam situasi tertentu juga dilihat antara perkara yang perlu diperbaiki.

"Apa yang saya nampak perlawanan semalam (berdepan Kedah), pemain terokan atau tidak berani membuat keputusan sendiri

mengikut situasi. Mungkin mereka terlampau ikut buku yang mana apa yang dibuat ketika latihan dibawa ke perlawanan.

"Lawan Kedah semalam mereka sepatutnya mendapat dua atau tiga gol lagi, saya nampak

keyakinan pemain kurang. Itu yang sepatutnya jurulatih terapkan atau memberi kebebasan mereka bermain walaupun perlu mengikut taktikal atau tanggangjawab yang diberi," katanya.

Biarpun berada di bawah tekanan, Neitzel bagaimanapun seakan tidak memikikan mengenai kedudukannya selepas Red Giants tewas 2-1 di tangan Kedah, kelmarin, iaitu kekalahan kedua di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) musim ini selepas kecondangan di tangan

perlawanan baharu Liga Super, Penang FC bulan lalu.

Malah, pengendali dari Jerman itu hanya ketawa ketika diajukan soalan adakah kekalahan ketiga keseluruhan yang dialami pasukannya dan sekadar mengutip lapan mata memberi kesan kepada jawatannya.



Karsten Neitzel





<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>8 April 2021</b>		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Sajat lolos guna lorong tikus utara
Muka Surat	:	2

# Sajat lolos guna lorong tikus utara

Oleh **ZAID MOHD. NOOR, MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB, MASZUREEN HADZMAN dan NURAINA HANIS ABD. HALIM**  
 utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Usahawan kosmetik, Muhammad Sajjad Kamaruz Zaman, 36, atau Sajat dipercayai menggunakan laluan tikus di sebelah utara tanah air untuk meloloskan diri sebelum bersembunyi di Thailand.

Perkara itu disahkan sendiri oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Bagaimanapun kata Abdul Hamid, usaha menjejaki usahawan itu bagaimanapun mengalami kesukaran memandangkan lokasi sebenar dia bersembunyi di negara terbabit tidak dapat dipastikan.

“Namun kita tidak tolak kemungkinan, dia memilih untuk bersembunyi di selatan Thailand,” katanya ringkas.

**Bersambung di muka 2**

# Sajat lolos guna lorong tikus utara

**Dari muka 1**

Terdahulu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Datuk Huzir Mohamed berkata, pihak polis telah membantu mengesan keberadaan Muhammad Sajjad namun siasatan dijalankan oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Turut ditanya sama ada pihak polis akan meminta Sajat kembali ke negara ini, Huzir memberitahu ia bergantung kepada JAIS.

“Kita hanya bantu kesan Sajat namun siasatan oleh JAIS,” katanya.

Sementara itu di Perlis, polis negeri tidak mendapat maklumat usahawan kosmetik itu meloloskan diri ke Thailand menggunakan laluan tikus di kawasan sempadan Perlis.

Ketua Polis negeri, Datuk Surina Saad berkata, pihaknya termasuk anggota dari Pasukan Gerakan Am (PGA) dengan bantuan pihak keselamatan lain mengawal ketat di kira-kira 60 lorong di tikus di sempadan negeri.

Katanya, Sajat berkemungkinan menggunakan laluan tikus di kawasan lain bukan di Perlis, dan sekiranya Sajat melalui kawasan di negeri itu pastinya usahawan tersebut sudah ditangkap kerana pihaknya melakukan kawalan cukup ketat di kawasan sempadan.

“Kita tidak dapat makluman Sajat melalui kawasan lorong tikus di negeri ini. Lorong tikus tidak semestinya di Perlis sahaja.

“Kita tidak akan biarkan Sajat terlepas kalau cuba melalui kawasan lorong tikus di negeri ini,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tambah Surina, sebelum ini, PGA juga telah mengedarkan gambar Sajat di sepanjang pos



**SAJAT dipercayai bersembunyi di Thailand.**

kawalan keselamatan bagi memastikan dia tidak dapat bolos ke negara jiran.

Di Kedah, PGA memaklumkan pihaknya percaya Sajat tidak menggunakan lorong tikus di Kedah dan Perlis untuk bersembunyi di Thailand.

Timbalan Komander Briged Utara PGA, Asisten Komisioner Mohd. Noh Khamis berkata, Sajat dipercayai sukar melepasi empat lorong tikus yang dikenal pasti di kawasan sempadan Malaysia dan Thailand di Kedah yang berbukit dan hutan.

Menurutnya, lorong tikus tersebut hanya digunakan dalam kalangan penyeludup tegar dan kawasan itu dikawal ketat pada setiap masa.

Malah katanya, sebanyak 60 lorong tikus di sempadan tersebut serta di Perlis juga dikawal ketat dan sukar untuk dicerobohi.

“Saya percaya Sajat menghadapi kesukaran untuk melepasi

ke Thailand dengan menggunakan lorong tikus yang cukup mencabar.

“Kesemua lorong tikus itu telah menjadi kawasan *hotspot* yang dikawal ketat setiap masa bagi mengekang aktiviti penyeludupan barangan larangan dan pendatang asing tanpa izin (PATI),” katanya.

Difahamkan sebanyak tiga lorong tikus juga terdapat di Perak dan 133 pangkalan haram di Kelantan.

Mohd. Noh memberitahu, pada masa ini, laluan di Kompleks Imigrasi, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam dekat sini juga ditutup sejak penularan Covid-19 tahun lalu.

Jelasnya, ICQS tersebut hanya dibuka untuk kenderaan pengangkutan perdagangan.

“Orang ramai dan pelancong pula tidak dibenar menggunakan ICQS untuk urusan lain di negara jiran itu,” katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**8 April 2021**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pelajar KKSJ lukis mural rai hari air sedunia
Muka Surat	:	26

## Pelajar KKSJ lukis mural rai hari air sedunia

PELAJAR Sijil Rekabentuk Dalaman (SRD) dan Sijil Pastrri (SPT), Kolej Komuniti Selayang (KKSJ) memilih gotong royong menceriakan sungai dan melukis mural sebagai menyambut Hari Air Sedunia Peringkat Daerah Gombak baru-baru ini.

Dalam menjayakan program itu, pelajar SRD bertungkus-lumus mengerah tenaga dan idea dalam mencantikkan persekitaran awam.

Ia melalui lukisan mural yang akan menjadi tarikan di Taman Rekreasi Sungai Jinjang, Bukit Lagong. Kerja-kerja melakar, melukis dan mewarna bermula 26 Mac lalu.

Sementara itu, seramai 20 pelajar SPT bersama-sama dengan warga JPS bergotong-royong membersihkan

kawasan taman rekreasi dalam usaha menggalakkan aktiviti 'Jom Turun Sungai' bagi komuniti setempat.

Persekitaran bersih nyata memberi galakan kepada pengunjung beriadah di taman rekreasi ini.

Selain memberi galakan menghargai air, program itu dapat membantu menambah-baik kemahiran pelajar dalam menghasilkan karya kreatif yang bertaraf tinggi, berinovasi menghasilkan produk harian dan kemahiran berkomunikasi.

Program anjuran bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Gombak itu bertujuan memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia mengenai krisis air dan kepentingan air dalam kehidupan seharian.



**PELAJAR** bersama pensyarah Sijil Rekabentuk Dalaman Kolej Komuniti Selayang yang terlibat untuk lukisan mural di Gombak baru-baru ini.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**8 April 2021**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Nestle Malaysia labur RM150 juta bina kilang PBMS
Muka Surat	:	36

# Nestle Malaysia labur RM150 juta bina kilang PBMS

Oleh **MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS**  
 utusanekonomi@mediamulia.com.my

**SHAH ALAM:** Buat julung kalinya, Nestle (Malaysia) Bhd. (Nestle Malaysia) tampil dengan kelainan apabila membina kilang menghasilkan produk berasaskan tumbuhan yang pertama di Asia Tenggara.

Nestle Malaysia membina kilang Penyelesaian Makanan Berasaskan Tumbuhan (PBMS) dengan melibatkan kos bernilai RM150 juta.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Juan Aranols berkata, pihaknya melabur dalam segmen produk tersebut di bawah jenama Harvest Gourmet sebagai pilihan alternatif kepada rakyat Malaysia yang mencari produk makanan bukan daging.

“Bagi memenuhi citarasa rakyat Malaysia, sebanyak tiga produk makanan yang berasaskan soya, gandum, lobak merah dan lain-lain lagi akan dilancarkan di bawah Harvest Gourmet tidak lama lagi.

“Kesemua produk ini akan



**SULTAN Sharafuddin Idris Shah, Tengku Permaisuri Norashikin dan Tengku Amir Shah melihat proses pembuatan produk makanan di kilang PBMS Nestle Malaysia di Seksyen 15, Shah Alam, semalam.**

berada di pasar raya dan kedai dalam masa beberapa bulan lagi,” katanya dalam sidang akhbar selepas majlis perasmian kilang pembuatan makanan berasaskan tumbuhan Nestle di Kompleks Perindustrian Nestle Malaysia di Seksyen 15 di sini, semalam.

Terdahulu, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah

mencemar duli merasmikan kilang tersebut. Turut mengiringi baginda Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari dan Pengerusi Nestle Malaysia, Tan Sri Syed Anwar Jamalullail.

Tambah Aranols, kilang

berkeluasan kira-kira 0.6 hektar itu telah beroperasi sejak awal tahun ini.

Jelasnya, fasiliti kilang tersebut dilengkapi mesin pemprosesan terkini yang mampu menghasilkan produk makanan berasaskan tumbuhan sebanyak 8,000 tan setahun bagi pasaran tempatan dan eksport.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 8 April 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	LABUR RM150 JUTA
Muka Surat	:	25



SULTAN Sharafuddin diiringi Tengku Permaisuri Norashikin berkenan melihat produk Nestle PBMS, semalam.

# LABUR RM150 JUTA

Oleh Amir Abd Hamid  
 amir\_hamid@mediapri-  
 ma.com.my

*Nestle Malaysia bina kilang makanan  
 berasaskan tumbuh-tumbuhan di Shah Alam*

### Shah Alam

**N**estle (Malaysia) Berhad secara rasmi melancarkan Pusat Pengeluaran Makanan Berasaskan Tumbuhan, di sini, memabitkan pelaburan RM150 juta.

Ia adalah satu daripada dua kilang seumpamanya di seluruh Asia yang juga fasiliti perintis di Asean.

Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Zon Asia, Oceania dan Afrika Sub-Sahara, Nestle SA, Chris Johnson berkata, Malaysia khususnya Selangor dipilih sebagai lokasi hab pembuatan baharu kerana menawarkan infrastruktur diperlukan.

"Selain itu, ini adalah lokasi menarik hubungan perdagangan ditambah lagi memiliki sumber tenaga mahir.

"Berpaksikan kejayaan

Nestle selama 108 tahun di negara ini, kami yakin fasiliti baharu ini akan mencipta peluang pertumbuhan baharu yang menarik bagi makanan berasaskan tumbuhan di rantau ini.

"Nestle Malaysia sudah melabur RM150 juta bagi membina fasiliti ini yang turut menjadi penyumbang utama kepada perbelanjaan modal berjumlah RM280 juta pada tahun lalu iaitu perbelanjaan tertinggi dalam tempoh enam tahun," katanya dalam mesej video dari Geneva, Switzerland pada Majlis Perasmian Pusat Pengeluaran Makanan Berasaskan Tumbuhan Nestle Shah Alam di sini, semalam.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan mencemari majlis itu.

Hadir sama, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku



*Berpaksikan kejayaan Nestle selama 108 tahun di negara ini, kami yakin fasiliti baharu ini akan mencipta peluang pertumbuhan baharu yang menarik bagi makanan berasaskan tumbuhan di rantau ini"*

Chris Johnson

Permaisuri Norashikin; Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari; Pengerusi Nestle Malaysia, Tan Sri Syed Anwar Jamalullail dan Ketua Pegawai Eksekutif Nestle Malaysia, Juan Ara-

nols.

Johnson berkata, Pusat Pengeluaran Makanan Berasaskan Tumbuhan itu akan menghasilkan makanan berasaskan tumbuhan bukan sahaja bagi memenuhi pasaran tempatan malah untuk diekspor.

"Kini, ia adalah keutamaan penting Kumpulan Nestle secara global menggalakkan masyarakat untuk mengambil lebih banyak makanan berasaskan tumbuhan," katanya.

Terletak dalam Kompleks Perindustrian Nestle sedia ada di Shah Alam, kilang pengeluaran baharu itu mempunyai ruang binaan seluas 6,000 meter persegi, kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak 8,000 tan dan dilengkapi dengan mesin pemprosesan makanan terkini dengan mesin pembungkusan automatik sepenuhnya.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**8 April 2021**

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Kilang sarung tangan, PPE bernilai RM100j dibina di Gebeng
Muka Surat	:	37



**MOHD. FAIZAL (dua dari kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Ernesti sambil diperhatikan oleh Wan Rosdy (tengah) di Dewan Jubli, Kuantan semalam.**

# Kilang sarung tangan, PPE bernilai RM100j dibina di Gebeng

**KUANTAN** – World Glove International Group City & Hub Development Sdn. Bhd. (WGC) dijangka melabur sebanyak RM100 juta untuk membangunkan kilang pengeluaran sarung tangan getah dan peralatan perlindungan diri (PPE) di Kawasan Perindustrian Gebeng di sini.

Projek pembinaan kilang di kawasan seluas 128 hektar itu akan bermula pada bulan Jun dan dijangka siap menjelang akhir tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri

Pahang (PKNP), Mohd. Faizal Jaafar berkata, projek kilang itu dijangka membawa limpahan ekonomi dan seterusnya meningkatkan taraf hidup penduduk di kawasan berkenaan.

“PKNP berperanan sebagai agensi utama untuk memudahkan cara pelabur termasuklah membina kilang di kawasan perindustrian negeri ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani perjanjian pajakan tanah antara PKNP dan WGC di Dewan Jubli di sini semalam.

Turut hadir Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif WGC, Datuk Gianluca Ernesti.

Selain itu, Mohd. Faizal menjelaskan, bagi meningkatkan promosi pelaburan di negeri ini terutamanya di Gebeng, pihaknya sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Unit Antarabangsa Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**8 April 2021**

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Nestle labur RM150 juta bina PBMS
Muka Surat	:	37

# Nestle labur RM150 juta bina PBMS

Oleh **MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS**

**SHAH ALAM** – Nestle (Malaysia) Bhd. (Nestle Malaysia) telah melabur sebanyak RM150 juta untuk projek pembinaan kilang Penyelesaian Makanan Berasaskan Tumbuhan (PBMS), sebuah fasiliti menghasilkan produk berasaskan tumbuhan pertama di Asia Tenggara.

Ketua Pegawai Eksekutif Nestle Malaysia, Juan Aranols berkata, peruntukan tersebut telah menjadi penyumbang utama kepada perbelanjaan modal berjumlah RM280 juta tahun lalu, iaitu perbelanjaan tertinggi dalam tempoh enam tahun.

Menurut beliau, syarikat mula melabur dalam segmen tersebut di bawah jenama Harvest Gourmet sebagai pilihan alternatif kepada rakyat Malaysia yang mengutamakan produk makanan bukan daging.

“Sebanyak tiga produk makanan yang berasaskan soya, gandum, lobak merah dan tumbuhan lain bakal dilancarkan di



**SULTAN SHARAFUDDIN (tiga dari kiri) bersama Aranols (tiga dari kanan) menunjukkan produk Harvest Gourmet yang dihasilkan oleh kilang terbaharu Nestle di Shah Alam semalam.**

bawah jenama tersebut secara berperingkat pada masa depan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada

sidang akhbar selepas majlis perasmian PBMS di Kompleks Perindustrian Nestle Malaysia di Seksyen 15 di sini semalam.

Terdahulu, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mencemar duli merasmikan kilang tersebut sambil diiringi

Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.

Turut hadir Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Aranols menjelaskan, kilang berkeluasan kira-kira 6,000 meter persegi itu telah beroperasi sejak awal tahun ini.

Tambah beliau, fasiliti kilang tersebut dilengkapi mesin pemrosesan terkini yang mampu menghasilkan produk makanan berasaskan tumbuhan sebanyak 8,000 tan setahun bagi pasaran tempatan dan eksport.

“Kami memilih Malaysia sebagai lokasi hab pembuatan produk baharu ini kerana Malaysia menawarkan infrastruktur dan tenaga mahir yang diperlukan.

“Dengan adanya PBMS, kami mampu membekalkan makanan berasaskan tumbuhan keluaran tempatan yang berkualiti tinggi, lazat dan halal,” katanya.

Menurut Aranols, Nestle mengunjurkan pendapatannya meningkat dalam tempoh lima tahun dengan pengenalan jenama Harvest Gourmet.





**KERATAN AKHBAR**  
**8 April 2021**

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Kebangkitan magis Helang Merah
Muka Surat	:	47



**KIPRE (kiri) berjaya meledak gol kemenangan KDA FC ketika mereka mengecewakan Selangor FC 2-1 di Petaling Jaya kelmarin.**

# Kebangkitan magis Helang Merah

Oleh **MUHAMMAD HELMEE RAMLI**

**KEDAH** Darul Aman (KDA) mencatat kemenangan dramatik ketika membenam Selangor 2-1 pada aksi Liga Super di Stadium Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) malam kelmarin.

Skuad Helang Merah ketinggalan 0-1 pada minit ke-33 hasil jaringan Oliver Buff, namun bangkit melakar kemenangan menerusi Kpah Sherman dan Tchetché Kipre ketika perlawanan berbaki 10 minit.

Ketua jurulatih Kedah, Aidil Sharin Sahak mengakui kagum dengan aksi yang ditampilkan anak-anak buahnya untuk bangkit mengutip tiga mata penuh di tempat lawan.

"Prestasi kami pada separuh masa pertama kurang bagus, lebih-lebih dengan keadaan pa-

LIGA SUPER			
<b>KEPUTUSAN</b>			
MELAKA UTD	1-2	PENANG FC	
SRI PAHANG	1-1	TFC	
SELANGOR FC	1-2	KDA FC	
SABAH FC	1-4	JDT	
LIGA PREMIER			
KELANTAN UTD	0-2	KELANTAN FC	
PERAK II	0-0	TFC II	
FAM/MSN	0-5	JDT II	

dang yang tidak memuaskan. Selangor bermain lebih baik dan mendahului perlawanan 1-0.

"Kemudian, kami ada berbin-cang serta melakukan beberapa perubahan ketika waktu rehat dan Alhamdulillah pemain-pemain menjalankan tugas dengan cukup baik," kata jurulatih dari Singapura itu.

Pada masa sama, beliau turut menjelaskan tindakannya mengeluarkan ketua pasukan, Baddrol Bakhtiar dan Rabih Ataya pada minit ke-62 adalah disebabkan tujuan taktikal semata-mata.

Keputusan yang dibuat Aidil nyata membuahkan hasil apabila Kedah bangkit menjaringkan menerusi sepakan penalti Sherman, sebelum Kipre meledak gol kemenangan Kedah.

Sementara itu, ketua jurulatih Selangor, Karsten Neitzel nyata kecewa dengan keputusan tersebut, lebih-lebih lagi menyaksikan pemain-pemainnya mensia-siakan banyak peluang terhidang.

"Inilah bola sepak, kami sepatutnya memanfaatkan setiap peluang terhidang. Saya kecewa, namun positif dengan corak permainan kali ini," kata beliau.





**KERATAN AKHBAR**  
**8 April 2021**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kilang makanan berasaskan tumbuhan
Muka Surat	:	28

# Kilang makanan berasaskan tumbuhan

Nestle bina kilang pertama seumpamanya di Asia Tenggara

**SHAH ALAM**

**N**estle Malaysia melancarkan kilang pembuatan makanan berasaskan tumbuhan pertama di Asia Tenggara bagi memenuhi permintaan tempatan dan eksport luar negara.

Pelancaran kilang seluas 6,000 meter persegi itu disempurnakan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dalam majlis yang berlangsung di Kompleks Perindustrian Nestle, Seksyen 15 di sini pada Rabu.

Ketua Pegawai Eksekutif Nestle (Malaysia) Berhad, Juan Aranols berkata, sejumlah RM150 juta telah dilaburkan untuk membina fasiliti itu yang menjadi penyumbang utama kepada perbelanjaan modal mereka bagi tahun lalu dan turut merekodkan perbelanjaan tertinggi dalam tempoh enam tahun.

“Pembukaan kilang ini membolehkan Nestle Malaysia membekalkan makanan berasaskan tumbuhan keluaran tempatan yang berkualiti tinggi,



Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah (dua dari kanan) berangkat merasmikan Pusat Pengeluaran Makanan Berasaskan Tumbuhan Nestle di Shah Alam pada Rabu.

lazat dan halal kerana rakyat negara ini semakin berminat meneroka alternatif kepada pengambilan daging.

“Oleh itu, kami telah membangunkan rangkaian produk baharu yang menyediakan alternatif nutrisi yang baik bagi menyokong gaya hidup lebih sihat dan lestari,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran kilang berkenaan, pada Rabu.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin Abdul Rahman; Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Menteri Besar

Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Dalam pada itu, Aranols berkata, produk makanan berasaskan tumbuhan lebih lestari kerana mempunyai jejak karbon yang rendah dan memerlukan penggunaan minimum sumber asli seperti air dan tanah.

“Kami kini sedang mengorak langkah ke arah masa depan yang lebih lestari untuk semua,” katanya.

Tambahnya, kilang berkenaan mempunyai kapasiti pengeluaran sebanyak 8,000 tan dan turut dilengkapi dengan mesin pemprosesan makanan terkini dan mesin pembungkusan automatik sepenuhnya.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>8 April 2021</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	New Ampang food court to house anaerobic digester hub
Muka Surat	:	1

## New Ampang food court to house anaerobic digester hub

AN ANAEROBIC digester hub will be placed within a food court that is being built in Jalan Kerja Air Lama, Ampang Jaya.

The anaerobic digester will recycle organic matter like food scraps into biogas and fertiliser.

Housing and Local Government Minister Datuk Zuraida Kamaruddin said the ministry had allocated RM4.56mil for the entire project.

Construction of the food court

started on March 22. It is expected to be completed by middle of January next year.

During a site visit, Zuraida, who is also Ampang MP, said those trading opposite the Ampang parliamentary office would be relocated to the new food court.

"The stalls have been around for about 30 years, and the place looks untidy.

"I see this every day and have always wanted to upgrade the area.

"Now that I am a minister, I want to ensure that the traders get a better working space," she said.

Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) president Mohd Fauzi Mohd Yatim said the food court would have 17 stalls and two kiosks.

"There will also be open-air dining with 34 tables, hand-washing area, toilet, nursing room, *surau* and parking space.

"The anaerobic digester hub will consist of a management office, toi-

let, loading and parking area.

"Biogas will be used to generate electricity and the fertiliser will be used for plants.

"The machine will be provided by the Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation, and managed by MPAJ.

"We hope to reduce environmental pollution in this way," he said.

Separately, Zuraida said the ministry would revive the Ampang Lookout Point at another location.

She said the popular tourist attraction, which had been closed, would be relocated to Jalan Hulu Langat, Bukit Ampang.

The project, she said, would cost some RM15mil and the currently unlicensed traders would be subjected to MPAJ business regulations.

She added that the new location offered a good view of the city, similar to the Ampang Lookout Point.

— By VIJENTHI NAIR



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**8 April 2021**

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	BAZAAR LOTS
Muka Surat	:	2

## **BAZAAR LOTS**

More than 100 Ramadan bazaar lots managed by the Shah Alam City Council (MBSA) are still available for those interested. For the full list of locations, go to MBSA's Facebook page. Applications can be made at the Licensing Department, Level 13, Menara MBSA.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>8 April 2021</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	BUDGET FEEDBACK
Muka Surat	:	2

## **BUDGET FEEDBACK**

Selayang Municipal Council is drafting its 2022 budget. April 9 is the last day for ratepayers to give their feedback by filling in a questionnaire at <https://forms.gle/yXfh9DRFQA6L-bLTt6>



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>8 April 2021</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Five contractors nabbed for illegal dumping in Klang
Muka Surat	:	2

# Five contractors nabbed for illegal dumping in Klang

**By EDWARD RAJENDRA**  
 edward@thestar.com.my

KLANG Municipal Council's Environmental Services Department has stepped up enforcement action against contractors who dump waste illegally.

The enforcement team nabbed five offenders at different sites across Klang over three days from March 23.

Each offender was fined RM1,000 and their lorries were impounded.

The five lorries, ranging from three- to eight-tonne capacity, were impounded for two weeks.

Department director Zaireezal Ahmad Zainuddin said the fees for impounding and towing would add

up to RM1,000, so the total each offender would have to pay was RM2,000.

"Aggressive enforcement is being carried out at all hotspots.

"The culprits had dumped construction debris, plastic scraps, shredded rubber and household waste.

"Plainclothes personnel are conducting continuous surveillance and have been successful in nabbing the culprits.

"Illegal dumping is a serious issue and we have implemented a zero-tolerance approach," he added.

Zaireezal said illegal dumping had occurred at Lingkaran Sultan Mohamad 1, Bandar Sultan

Suleiman, Jalan Sempadan 14, Sungai Serdang, Kapar, Lorong Sungai 10, Taman Kota Jaya, Jalan Selat Selatan 23 and Laguna Park in Pulau Indah.

He said it was important that businesses took responsibility for their waste and ensured that any disposal was contracted to reputable and qualified companies.

"Our strategy now is to sustain and increase enforcement for ongoing operations.

"We have identified certain hotspots to improve operational efficiency and coordinate with MPK's Enforcement Department.

"We will work closely to cover a wider area," he said.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>8 April 2021</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	'Get on digital platforms to increase earnings'
Muka Surat	:	2

# 'Get on digital platforms to increase earnings'

Public transport drivers urged to provide delivery services as well

By GRACE CHEN  
 gracechen@thestar.com.my

TAXI and bus drivers should consider providing delivery services instead of just ferrying passengers for their income.

Selangor housing, urban well-being and entrepreneur development committee chairman Rodziah Ismail said bus and taxi drivers affected by the movement control order due to the Covid-19 pandemic needed a change in mindset if they wanted to earn more.

"We are aware that some of them are not comfortable with change and are blaming free bus services and e-hailing, as well as Covid-19 for the drop in their income.

"They should get on the digital platform to look for more business revenue.

"I also understand that some of the drivers may not be IT savvy.

"In this case, family members, especially the younger generation, can help their elders," she said.

Rodziah was speaking at a press conference in Bandar Baru Salak Tinggi after distributing food hampers to 33 taxi and bus drivers.



Rodziah preparing to hand over a food basket to a taxi driver during the programme. With her are Abdul Hamid (left) and his deputy Zulnaidy Zulkiffii. — CHAN TAK KONG/The Star

She pointed out that the state government had programmes in place to assist this sector of the transportation industry.

One of them is the Selangor Digital E-Supply Chain (Seldec) programme, an online delivery service.

Drivers who sign up will be given a digital gadget where they can accept assignments via the platform.

"Some 3,000 youths have registered to take advantage of job opportunities under the

Seldec programme.

"Of this number, only 35 of the 7,919 taxi and bus drivers registered with Land Public Transport Agency have signed up.

"Thus, we need more participation from this sector," said Rodziah.

She said it would be a pity if taxi and bus drivers failed to take advantage of the situation to expand their services online.

"As the programme was only announced a week ago, we antici-

pate more will register.

"We have set a target for 10% of the total number of public transport drivers in Selangor by the end of the year," she said.

Also present at the event were Sepang Municipal Council president Datuk Abdul Hamid Hussain, who showed Rodziah around the commercial area that had undergone a RM5.5mil facelift with a new stage, additional stall lots and interlocking pavements on the main road.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>8 April 2021</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Nestle nurtures the natural way
Muka Surat	:	2

# Nestle nurtures the natural way

CONSUMER  
 Conglomerate sets up 1st plant-based food facility in Asean

By THOMAS HUONG  
 huong@thestar.com.my

**SHAH ALAM:** Nestle further strengthens its commitment to champion plant-based food with the inauguration of a meat solutions manufacturing facility here.

The new facility is the Nestle Group's first in Asean and one of only two in Asia. The group's other plant is in China.

Getting people to eat more plant-based food is a priority for the Nestle Group globally.

Nestle (M) food chief executive officer Juan Aranols is expecting demand to rise for plant-based meat in Malaysia and Singapore over the next five years.

Its halal-certified plant-based meals produced at the facility should hit critical mass in the next two to five years.

"It will take some time until this (plant-based meals) reach critical mass but if you put together great products that are affordable especially for the middle class, combined

with our execution and capabilities to reach every corner of Malaysia, I have no doubt that this is going to be big," he told a media briefing at the launch of the manufacturing facility yesterday.

Aranols said the facility will cater to the Malaysia and Singapore markets initially before exporting to other Asean markets.

Located within Nestle Malaysia's existing Shah Alam industrial complex in Selangor, the production site, with a build-up area of

> TURN TO PAGE 2

## Growing appetite for plant-based diets

> FROM PAGE 1

6,000 sq m, has an annual production capacity of 8,000 tonnes and is equipped with the latest food processing machinery and highly-automated packing lines.

Nestle Malaysia invested RM150mil in the facility, which accounted for a major portion of the RM260mil capital expenditure in 2020 – the highest in the last six years.

Nestle executive vice-president and CEO (Asia, Oceania and sub-Saharan Africa) Chris Johnson said: "We have chosen Malaysia, and Selangor, as the location of this new manufacturing hub, as we find the right infrastructure, trade links and access to talent and capabilities here. We also build on Nestle's 108 years of successful presence in Malaysia. We are confident that with this new facility, we will be able to capture the exciting growth opportunity for plant-based products in this region, which is a very important growth priority for the Nestle Group worldwide."

The launch was officiated by the Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Also present were Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari and Nestle Malaysia chairman Tan Sri Syed Anwar Jusauliddin.

"In the same way as it is happening in other parts of the world, Malaysians are becoming interested in exploring alternatives to meat consumption, either because of health reasons or for environmental considerations," said Aranols.

"Compared with the equivalent meat-based products, these plant-based solutions are also more sustainable as they have a much lower carbon footprint and they require less use of natural resources such as water or land."

"By accelerating the rollout of our plant-based food and beverages we are taking steps to shape a more sustainable future for all," he added.

The plant has started production of Nestle

Malaysia's *Harvest Gourmet* plant-based products for the out-of-home market.

Nestle Malaysia will also launch its consumer range, to be available in retail nationwide and via e-commerce.

The plant-based meals are made from ingredients such as soy, wheat, beetroot, carrot, pomegranate and blackcurrant.

The range includes the *Sensational Burger* patty as well as *Schnitzel*, chargrilled pieces and ground mince products that can be integrated into home cooking recipes.

In March, Nestle Malaysia tied up with South Korean fried chicken restaurant chain *RoyChon* in launching a meat-free menu using its *Harvest Gourmet* range.

The new menu is aimed at those seeking to reduce their meat intake, while still enjoying the signature taste of South Korean fried chicken.

Aranols reiterated that there is a growing appetite for plant-based diets, as more people look for healthier food options.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 8 April 2021

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Royal visit
Muka Surat	:	2



### Royal visit

Selangor Ruler Sultan Sharafuddin Idris Shah (second from left) and Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin checking out Nestle's latest plant-based brand, Harvest Gourmet products, after launching the multinational's first plant-based meal facility in Shah Alam yesterday. Also present were Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari (left) and Nestle CEO Juan Aranols (right). – KK SHAM/The Star



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>8 April 2021</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Recyclables collection initiative in second phase
Muka Surat	:	4

By **VIJENTHI NAIR**  
 vijenthi@thestar.com.my

NESTLE (M) Berhad has launched the second phase of its recyclables collection initiative in Petaling Jaya, following the success of the pilot programme last year.

This time around, the areas that will be covered are Kota Damansara, Mutiara Damansara, Tropicana and Damansara Indah, Aman Suria and Taman Bukit Mayang Emas.

A memorandum of understanding (MOU) was signed between Nestle, Petaling Jaya City Council (MBPJ) and recyclables collection company KPT Recycle Sdn Bhd.

The first phase, which kicked off in October last year, saw the participation of 8,300 households in Ara Damansara and Bandar Sri Damansara.

Speaking at the signing ceremony, Nestle chief executive officer Juan Aranols said the pilot programme had been a success as household participation hit 60% in just six months, contributing 112 tonnes of recyclable items.

He said much effort went into ensuring that the residents were aware of the initiative and learned to identify recyclables as well as how to separate them properly.

"The residents have been actively involved and have even contacted us personally, informing us of delays in pick-up and giving suggestions to make the process more efficient."

"This demonstrates the will and capacity to do good is inherent in Malaysians. With the right platform and resources, they will mobilise for positive change," he added.

Aranols said with the positive outcomes, he was pleased to welcome another 11,800 households

# Recyclables collection initiative in second phase

## MOU inked to extend programme to more Petaling Jaya households



(From left) Aranols, Mohd Sayuthi and KPT Recycle Sdn Bhd director Lee Chay Chen signing the MOU for the second phase of Nestle's recyclables collection programme.

into the programme.

"Scaling up the programme will help create a greater impact and improve recycling rates in the city."

"We also hope to be able to inspire mindset and behavioural change when it comes to encouraging the habit of recycling."

"From Petaling Jaya, we will later move into other cities and states, bringing together like-minded partners," he elaborated.

